



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 33

RABU 16HB. OGOS, 1978.

1398 رابو 12 رمضان

PERCHUMA

AKIBAT MAKANAN BERACHUN — BUKAN KOLERA

BANDAR SERI BEGAWAN. — "Makanan berachun" ada-lah merupakan berita yang paling membimbangkan penduduk2 Brunei terutama Umat Islam yang sedang menunaikan ibadat puasa di-bulan Ramadhan ini.

Berita makanan berachun itu mula tersiar melalui Radio dan Talivishen Brunei pada hari Khamis lepas apabila sa-ramai 25 orang telah di-bawa ka-Rumah Sakit Besar di-sini untuk di-rawat kerana memakan makanan yang mengandongi rachun itu.

"Ada-lah di-perchayai yang kebanyakan mereka itu mungkin telah memakan makanan yang di-masak beberapa jam lebeh awal," demikian menurut berita itu.

Akibat memakan makanan yang berachun itu, sa-orang penuntut di-Maktab SOAS, Awang Baha bin Nayan telah meninggal dunia pada hari tersebut.

Allahyarham Awang Baha ialah salah sa-orang dari satu keluarga lapan orang yang menjadi mangsa makanan berachun itu. Bagaimanapun, ayah-nya Awang Nayan bin Momin dan dua orang anak-nya lain yang maseh di-rawat di-rumah sakit sedang beransor puleh sementara yang lain-nya puleh saperti sediakala. Keluarga tersebut adalah dari Kampong Selayun dalam Mukim Sengkurong.

Kejadian itu di-dapati berlaku di-rumah keluarga tersebut apabila anak lelaki Awang Nayan pulang dari bekerja dan mendapati ayah-nya sedang sakit perut.

Jenis makanan yang berachun itu belum dapat di-ketahui dengan sah walaupun berita RTB melaporkan bahawa penyiasatan2 setakat ini menunjukkan kesemua 25 orang mangsa kejadian itu memakan makanan yang sama.

Mereka di-perchayai memakan makanan yang tersimpan agak lama dan telah berubah keadaan-nya lalu mengandongi

bahan2 berachun sa-lepas di-masak.

Pihak berkuasa kesihatan sekali lagi mengingatkan orang ramai tentang betapa perlu-nya menjaga kebersehan makanan terutama sekali di-musim puasa ini.

"Semua makanan atau minuman mesti-lah yang baru di-sediakan dan tidak terlalu lama sa-hingga menyebabkan ia-nya menjadi basi. Ada-lah merbahaya untuk memakan makanan yang telah di-sediakan sejak awal pagi lagi terutama sekali jika makanan itu mudah di-hinggapi oleh lalat atau ulat2," demikian pihak berkuasa kesihatan menasehatkan.

Orang ramai juga di-nasehatkan supaya hanya meminum ayer sa-telah ia-nya di-masak.

Sa-hari sa-lepas kejadian itu, sembilan orang lagi telah di-bawa ka-Rumah Sakit kerana mengidap penyakit cheret-beret dan muntah yang juga di-perchayai ada-lah di-sebabkan ter-makan makanan yang mengandongi bahan2 berachun. Tiga orang daripada mereka telah di-tahan untuk rawatan lanjut.

Kebanyakan orang menyangka bahawa kejadian itu mungkin wabak kolera, tetapi pihak berkuasa kesihatan menegaskan bahawa ia-nya bukan-lah kejadian wabak kolera.

Pihak berkuasa kesihatan menyatakan bahawa bahan2 berachun itu ada-lah berasal dari makanan yang berupa "daging" yang telah basi sa-lepas di-masak atau di-masak sekali lagi sa-telah ia-nya basi.

Pada hujung minggu lepas, dua orang lagi di-bawa ka-rumah sakit kerana memakan makanan berachun juga. Pada hari Sabtu lepas ia-lah sa-orang kanak2 damit dan pada hari Ahad ia-lah sa-orang suri rumah tangga. Mereka di-laporkan dalam keadaan yang tidak



membimbangkan.

Di-antara pesakit2 yang di-shaki memakan makanan yang berachun itu masing2 memberikan kesah yang berbeza2 dari segi makanan yang mereka makan.

Lihat muka 16

Pertandingan membacha Al-Kor'an

JALAN MUARA. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolikah di-jadualkan berangkat merasmikan Pertandingan Membacha Kor'an Antara Jabatan2 Yang Beruniform yang akan di-adakan di-Pusat Latehan Pulis, di-sini pada hari Sabtu 19hb Ogos mulai jam 8.00 malam. Yang Teramat Mulia juga seterusnya akan menyampaikan hadiah2 kepada pemenang dalam pertandingan tersebut.

Sa-ramai 16 orang gari dari lapa-lapa jabatan yang beruniform akan menyertai pertandingan tersebut.



Awang Nayan bin Momin sedang terlantar di-rumah sakit untuk menjalani rawatan lanjut (kanan) sementara isteri beliau Dayang Salmah binte Ibrahim, sunggoh pun ia-nya sendiri telah puleh, akan tetapi terpaksa menjaga dua orang anak-nya, Kartini dan Karim yang kelihatan sedang terbaring di-katil masing2 (atas).

KEMPEN SUNTEKAN PENYAKIT CHAMPAK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan melancarkan kempen menyuntik bagi mencegah penyakit champak mulai 18hb September akan datang. Kempen yang akan di-jalankan di-seluruh negeri itu di-jadualkan akan memakan masa sa-lama tiga bulan.

Pegawai Kesihatan Dr (Mrs) P. Durayappah menegaskan bahawa kempen tersebut di-lancarkan bertujuan untuk mengurangkan kes penyakit tersebut.

Kata-nya dalam tempoh tujuh bulan tahun ini, sa-banyak 1,263 kes penyakit champak telah berlaku di-seluruh negeri dan beberapa kematian akibat penyakit tersebut berlaku dalam tahun ini.

Beliau berkata satu2-nya cara yang paling berkesan untuk melindungi orang ramai dari di-jangkiti oleh penyakit tersebut ia-lah dengan memberikan suntikan.

Dr. (Mrs) Durayappah menegaskan, dalam tempoh tiga bulan itu, rombongan penyuntik akan menyuntik kanak2 dan murid2 sekolah yang berumur di-antara sembilan hingga 12 tahun sementara kanak2 yang berumur 15 tahun akan di-berikan suntikan di-klinik2 dan sekolah2.

Beliau meminta para ibubapa supaya dapat memberi-

kan kerjasama dengan membawa anak2 mereka ka-klinik yang berhampiran untuk mendapatkan suntikan.

Kata-nya jadual bagi suntikan ka-sekolah2 akan di-beritahu kemudian.

Pesta Aidilfitri

di-Dewan Raya RTB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Achara Bahagian Melayu RTB akan mengadakan rakaman-nya untuk Hari Raya Aidilfitri, yang akan di-langsungkan di-Dewan Raya RTB sini pada hari Jumaat 18hb Ogos mulai jam 7.30 malam.

Zaini Mohd Taib Show disertai oleh penyanyi2 jemputan, Bintang Radio dan Mutika RTB akan menambahkan lagi seri-nya persembahan pada malam itu.

Para penuntut juga akan mengambil bahagian dalam acara 'Terima-lah Sampul Surat'.

Tiket2 masuk perchuma boleh di-dapati di-pintu masuk Dewan Raya RTB pada malam itu. Awas, tiket2 bertuah juga akan di-berikan kepada penuntut.

Wang Pos British

PEKAN BANGAR. — Wang Pos British telah di-jual di-Pejabat Pos Pekan Bangar mulai 14hb Ogos yang lalu.

Menurut Ketua Pos Agong, Pengiran Jaludin bin Pengiran Mohd Limbang bahawa perkhidmatan tersebut satu usaha bagi memudahkan orang ramai di-Daerah Temburong.

Kata-nya orang ramai boleh membeli wang pos tersebut dari 10 pence hingga £10.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RAGAM
KEHIDUPAN
NEGERI
BRUNEI

16HB OGOS, 1978

PERTANDA KESEDARAN BERUGAMA

ALHAMDULILLAH, minggu ini, ia-lah masuk ka-minggu yang kedua umat Islam di-negeri ini menunaikan ibadat puasa. Dan sa-takat ini dengan berkat kerjasama masharakat Islam di-negeri ini, belum-lah kita mendengar ada di-antara kalangan orang Islam yang di-naikkan ka-Makhamah kerana makan, minum atau merokok di-khalayak ramai pada waktu siang hari. Kalau kita meninjau ka-gerai2 nampak-nya tempat2 itu kosong, lengang dan di-siasat di-dapati tuan2 punya gerai makan-minum itu hanya berjual di-sebelah malam dan ada pula setengah-nya menutup gerai dalam bulan puasa ini. Di-kedai2 kopi pula kita tidak melihat orang Islam duduk berbual2 saperti sa-belum puasa dahulu — ini semua-nya menunjukkan suatu pertanda kesedaran umat Islam terhadap ugama-nya.

Pada umum-nya, kita telah nampak berbagai pertanda yang menunjukkan semakin ramai umat Islam di-negeri ini telah mempunyai kesedaran terhadap ugama Islam, sa-bagai ugama rasmi negeri ini dan untuk menjadikan Islam itu sa-bagai chara hidup yang lengkap dan sempurna.

Suatu pertanda lagi yang menggalakkan kesedaran umat Islam terhadap ugama-nya, di-antara-nya para jemaah sembahyang Jumaat di-masjid2 dan surau2 semakin bertambah; kelas2 kor'an dan ugama semakin ranchak di-ikuti, pertandingan2 membacha Kor'an semakin meluas di-kelolakan, kelas2 zikir semakin berkembang, kursus menyempurnakan jenazah terus di-usahkan, perarakan2 Maulud semakin mendapat sambutan, majlis berchorak ugama saperti Isra' Me'raj tidak di-lupakan dan lain2 lagi. Kesedaran sa-umpama ini ada-lah berkat kerjasama dari seluruh umat Islam di-negeri ini dan usaha yang gigih dari pehak yang berwajib Jabatan Hal Ehwal Ugama, semata2 kerana Allah jua.

Dalam pada itu, jika kita halusi, jika kita selideki atau pandang lebeh jauh lagi, maseh terdapat sa-tengah2 umat Islam kita di-negeri ini yang maseh lalai terhadap ugama-nya, di-antara-nya kita boleh dapati ada setengah2-nya yang maseh belum mahu belajar hukum2 ugama. Pada hal di-negeri ini, Kerajaan telah menyediakan berbagai kemudahan untuk mempelajari atau mendalami ugama Islam itu menurut saloran2 yang sehat.

Mudah2an pertanda kesedaran berugama saperti yang di-maksudkan itu akan terus menerus di-usahkan dengan tidak lengah2 terutama kepada jenerasi muda hari ini. Sa-bagai umat Islam, kita di-suroh berpegang tegoh2 dengan tali Allah, berpegang tegoh2 dengan ugama Allah, jangan kita berpecah-belah dan menyeraikan diri serta ber-lindung hanya kepada-Nya. Begitu juga kita hendak-lah menjauhkan diri dari berangan2 kosong dan kata2 yang tidak berfaedah. Kerana ia-nya ada-lah pintu masuk shaitan untuk menyerasikan kita dan barang sudah tentu akan mendatangkan dosa.



Kursus Penyeliaan Kerani2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Penyeliaan Kerani2 Tingkatan II akan di-adakan sa-lama empat hari mulai 28hb Ogos. Sa-ramai 19 orang kerani Tingkatan II dari

19 buah Jabatan Kerajaan di-jangka akan menyertai kursus tersebut.

Kursus tersebut di-anjor-kan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan akan di-adakan di-Pusat Latehan di-Jalan Kumbang Pasang.

Sa-masa menjalani kursus, peserta2 akan mende-ngar cheramah2 dari pega-wai2 kanan termasuk-lah Ketua Yunit Latehan, Awang Haji Jaya bin Abd Latif dan Pegawai Latehan, Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman.

Mashuarat Agong AAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Persatuan Automobil Brunei kali yang ke-enam akan di-adakan pada hari Ahad 20hb Ogos.

Setia Usaha Persatuan, Awang Haji Abdullah bin Haji Manggol menyatakan bahawa mashuarat tersebut akan di-adakan di-Bilek MBB, Pusat Belia di-sini dan bukan-nya di-rumah persatuan di-Muara saperti mana yang di-nyatakan dalam surat jemputan. Mashuarat tersebut akan bermula pada jam 8.30 pagi.

Beliau juga mengingatkan kepada ahli2-nya bahawa borang penchalunan bagi ahli2 jawatankuasa tertinggi hendak-lah di-hantar kepada-nya tidak lewat dari hari Khamis esok, 17hb Ogos.

Awang Haji Abdullah juga meminta ahli2 persatuan itu supaya hadir di-mashuarat pada tarikh dan masa yang di-tetapkan itu.



JABATAN Kerja Raya telah berjaya mendapat tempat pertama dalam perarakan berchuchol di-ayer bahagian jabatan2 Kerajaan yang telah di-adakan di-Sungai Brunei pada 30hb Julai yang lalu.

Dalam bahagian kenaikan yang menggunakan minyak tanah, Mukim Saba telah memenangi tempat pertama dan dalam bahagian perarakan yang menggunakan janakuasa letrik pula telah di-menangi oleh Pengarah Mukim Haji Naim bin Jaafar.

Dalam perarakan berchuchol rumah2 di-Kampung Ayer, Balai Pulis Kampong Ayer telah berjaya mendapat tempat pertama dalam bahagian rumah2, sekolah2 dan jabatan2 Kerajaan.

Haji Samat bin Ibrahim telah memenangi perarakan tersebut dalam bahagian kum-polan dan persatuan belia sementara Pateh Haji Masri bin

Ismail memenangi dalam bahagian perseorangan.

Kedua2 perarakan tersebut di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan DYMM yang ke-32 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang2 dalam perarakan tersebut telah di-adakan di-Dewan Bandaran baru2 ini.

Gambar atas kiri kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Perkasa Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Sabtu Kamaluddin menyampaikan Oskar Rebutan kepada wakil Jabatan Kerja Raya, Awang Hamidon bin Haji Tahir sementara gambar kanan pula kelihatan Yang Amat Mulia menyampaikan Oskar Rebutan kepada Haji Metali bin Mayasin, Ketua Kampong Saba Darat 'A' sa-bagai mewakili Mukim Saba.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut : —

JENIS BARANG2	HARGA RUNCBIT	JENIS BARANG2	HARGA RUNCBIT
Planta Margarine — 250 gms.	\$ 1.15	Mixed Nuts (150 gms.)	3.05
500 gms.	2.10	Table Water Packets (200 gms.)	1.85
1 kg.	3.90	Butter Cookies	
2.5 kg.	8.70	(Royal Dansk Brand) — 1 lb.	5.50
18 kg.	44.75	22 ozs.	9.00
Daisy Margarine — 10 ozs.	1.00	2 lbs.	11.00
1 lb.	1.50	Falcon Brand Processed	
2 lbs.	2.75	Cheddar Cheese * — 8 ozs.	1.70
5 lbs.	6.40	Falcon Brand Salted	
35 lbs.	33.00	Tined Butter — 16 ozs.	3.15
Axe Brand Margarine — 35 lbs.	32.00		
		LIPTON — BERRY JAMS :	
COOKING OIL : —		Berry's Apple — 1 lb.	2.00
a) Tiger Cooking Oil — 2 kg.	7.15	" Apricot — 1 lb.	2.00
3 kg.	10.80	" Pineapple — 1 lb.	2.00
5 kg.	16.50	" Mixed Fruits — 1 lb.	2.00
17 kg.	49.00	" Orange	
4 katis	7.95	" Marmalade — 1 lb.	2.00
6 lbs.	8.95	" Raspberry — 1 lb.	2.20
8 katis	15.20	" Strawberry — 1 lb.	2.20
28 katis	48.20		
b) Six Crown		HELLERS CANDIES : —	
Cooking Oil — 2 kg.	7.15	Sour Fruit Drops — 9 ozs.	2.00
3 kg.	10.80	Butter Scotch Buttons — 9 ozs.	2.00
5 kg.	16.50	Ice Blue Mints — 9 ozs.	2.00
17 kg.	49.00	Sour Orange Slices — 9 ozs.	2.00
3 kg.	15.40	Sour Lemon Slices — 9 ozs.	2.00
c) Flora Cooking Oil — 2 kg.	7.15	Sour Lime Slices — 9 ozs.	2.00
C & B Custard — 454 gms.	2.50	Fld. Sour Berries — 9 ozs.	2.00
Powder — 500 gms.	2.85	Mint. Molasses — 9 ozs.	2.00
		Hard and Filled — 9 ozs.	2.00
TAIKOO SUGAR : —		Sour Balls — 8 ozs.	2.00
Taikoo Icing Sugar — 1 lb.	1.20	Root Beer Balls — 8 ozs.	2.00
Taikoo Cube Sugar — 1 lb.	1.20	Spermint Balls — 8 ozs.	2.00
Taikoo Caster Sugar — 1 lb.	1.10	Coffe Deluxe — 5 ozs.	2.00
Taikoo Granulated		Peanut Pillows — 8 ozs.	2.00
Sugar — 1 lb.	1.00	Fld. Choc. Straws — 8 ozs.	2.00
2 lbs.	2.00		
5 lbs.	5.00	PEEK FREAN BISCUITS : —	
		A/Noon Tea Asst. — 7 ozs.	1.80
"BLUE DIAMOND" SHELLED ALMONDS :		Asst. Creams — 7 ozs.	1.80
Whole Natural (6 ozs.)	2.30	Start Asst. — 7 ozs.	1.80
Roasted Salted Diced (5½ ozs.)	2.25	Bourbon — 6 ozs.	1.50
Roasted Blanched Silvered (5½ ozs.)	2.55	Custard Cream — 7 ozs.	1.50
Cheese (6 ozs.)	2.30	Digestive — 5½ ozs.	1.40
Barbecue (6 ozs.)	2.30	Nice — 6½ ozs.	1.40
Smokehouse (6 ozs.)	2.30	Ginger Biscuit — 6 ozs.	1.40
Onion/Garlic (6 ozs.)	2.30	Short Cake — 6½ ozs.	1.70
Blanched, Salted (6 ozs.)	2.50	Vita-Weat — 5½ ozs.	1.50
Roasted, Salted (6 ozs.)	2.30	Rye C/Bread — 5½ ozs.	1.50
Cashew Nuts (150 gms.)	4.25	Twiglets — 2½ ozs.	1.50
Cocktails Peanuts (150 gms.)	2.30	Cheeselets — 2½ ozs.	1.40

Orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kepada pehak yang berkenaan talipon 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebut di-atas bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 19hb hingga 24hb Ogos, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Birau	19.8.1978	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	19.8.1978	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	19.8.1978	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	*21.8.1978	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	*21.8.1978	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	22.8.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	22.8.1978	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	23.8.1978	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	23.8.1978	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	23.8.1978	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	23.8.1978	Rabu	11.30-12.00 T/hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	24.8.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara	24.8.1978	Khamis	4.30- 5.30 "

Peringatan : *21.8.1978 — Chuti Memperingati Nuzul Al-Koran

PERSIDANGAN Islam Asia Yang Pertama di-Karachi ada-lah lanjutan daripada beberapa persidangan yang pernah di-adakan oleh Badan Perikatan Dunia Islam atau yang lebih di-kenal dengan nama Rabetah Al-'Alam Al-Islami yang berpusat di-Mekah Al-Mukarramah. Beberapa persidangan itu antara-nya ia-lah: Persidangan Di-Antara Pertubohan2 Islam Mengenai Dakwah Islamiah yang di-adakan di-Mekah pada tahun 1394/1974, Persidangan Mengenai Risalah Masjid yang juga di-adakan di-Mekah pada 15-18hb. Ramadhan, 1395 bersamaan 20-30hb. September, 1975, Persidangan Islam Afrika Yang Pertama di-Noukchott, Mauritania pada 4-6hb. Jamadil Awal, 1396 bersamaan 3-5hb. Mei, 1976. Persidangan Pertubohan2 Islam Amerika Utara dan Kanada di-New York pada 4-6hb. Jamadil Awal 1397 bersamaan 22-24hb. April, 1977. Tujuan besar persidangan ini ia-lah untuk mengumpulkan pertubohan2 dan pusat2 pengajian Islam dan masjid2 supaya mengadakan perikatan yang kuat, bantu membantu serta persefahaman di-perengkat antarabangsa. Menurut akhbar Al-Dakwah yang di-terbitkan di-New Delhi, India keluaran 24hb. Rejab 1398 bersamaan 1hb. Julai, 1978, bahawa persidangan ini telah di-hadiri oleh lebih dari 170 buah pertubohan2 Islam. Kemudian menyusul pula Persidangan Pertama Pertubohan2 Islam Amerika Selatan dan Laut Karibi (Caribbean Sea) di-Port of Spain, Trinidad pada 11-13hb. Shawal, 1397 bersamaan 24-26hb. September, 1977.

Insha Allah, di-siri2 yang akan datang akan saya petik dan ulas mana2 keputusan yang saya rasa perlu, yang pernah di-ambil oleh persidangan2 yang telah lalu itu, dengan tidak pula mengabaikan perkara2 yang berbangkit dan telah di-putusan oleh Persidangan Islam Asia Yang Pertama baru2 ini.

Sa-belum semua-nya itu di-mulai, baik juga rasanya saya terangkan dahulu dengan ringkas berkenaan dengan badan penganjur persidangan2 itu. Kerana ini perlu, sekurang2-nya berguna untuk pengetahuan dan penilaian kita. Badan tersebut ia-lah Perikatan Dunia Islam atau Muslim World League atau lebih mesra di-sebut sa-bagai Rabetah Al-'Alam Al-Islami. Apakah dia itu? Apa matalamat dan tujuan-nya, serta langkah2 ka-arrah menchapai matalamat tersebut? Apa bentuk dan susunan organisasi-nya, dan siapa2 yang menjadi anggota-nya?

Menurut risalah kecil yang di-keluarkan oleh pehak badan ini, Rabetah Al-'Alam Al-Islami ada-lah satu pertubohan yang di-dalam-nya terdapat wakil2 bangsa Islam dari seluruh dunia. Di-antara negeri2 yang menjadi anggota-nya termasuk-lah Saudi Arabia, Tunisia, Afghanistan, Turkey, Sudan, Mesir, Republik Mauritania, Algeria, Nigeria, Maghribi, Indonesia, Sinigal, Pakistan dan lain2 lagi. Dan beberapa buah negeri bukan Islam juga di-sebut sa-bagai mempunyai pertubohan2 Islam-nya yang di-terima menjadi anggota kapada Rabetah, seperti Jepun, Formosa dan Filipina. Dan bahkan terdapat juga ibu pejabat Rabetah di-negeri2 ini.

TUJUAN

Tujuan badan Dunia Islam ini di-bentok, ia-lah:

1. Untuk menyampaikan dakwah Islamiah.
2. Menjelaskan dasar2 dan pengajaran Islam yang

betul.

3. Menentang fitnah dan fikiran2 yang merosak yang di-sebarkan oleh musuh2 untuk menghancurkan dan merosakkan perpaduan umat Islam.

4. Mempertahankan hukum2 Islam dan berusaha ka-arrah perlaksanaan-nya.

Chara2 perlaksanaan ka-arrah tujuan2 ini pula, antara-nya :

1. Mempaktekan hukum share'at Islam di-tiap2 negeri yang menutorkan dua kalimah shahadat (negeri Islam).

2. Bagi ulama2 dunia Islam, dengan berdasarkan semangat mashuarat melalui persidangan2 Islam, hendak-lah mengamalkan dasar bertukar2 fikiran serta menyatukan usaha ka-arrah menyebarkan dakwah Islamiah.

3. Menggalakkan pendakwah2 Islam di-seluruh dunia untuk terus menerus berdakwah, dan memberikan kapada mereka itu sokongan2 material serta apa jua kemudahan yang perlu, yang dapat menolong mereka menjalankan tugas2 mereka yang suci itu.

4. Membahagikan buku2 dan majalah2 agama sa-chara perchuma sa-bagai usaha menyebarkan kebudayaan Islam dan dakwah melalui berbagai2 bahasa.

5. Mempertinggi mutu penerbitan melalui bahasa2 yang hidup.

6. Menghantar rombongan atau wakil2 kamerasa negeri2 Islam, dan juga negeri2 bukan Islam yang mempunyai sedikit jumlah penduduk Islam-nya dengan tujuan untuk mempelajari dan mengetahui masalah2 serta keperluan2 mereka, dan jua menghulorkan bantuan2 yang perlu.

7. Menggalakkan penu-lisan yang berchorak keislaman serta membeli buku2 yang dapat menerangkan tentang hakikat Islam yang sa-benar2-nya.

Siri kedua

8. Menyebarkan pengajaran agama Islam dengan menggalakkan usaha2 mendirikan sekolah2 dan pusat2 pengajian Islam di-seluruh negeri2 Islam.

9. Berusaha menyebarkan bahasa Al-Kor'an di-antara bangsa2 Islam.

PENTADBIRAN

Kemudian Rabetah Al-'Alam Al-Islami di-tadbir atau di-kendalikan melalui tiga badan kecil di-bawah-nya :

1. Majlis Pengasas atau Jawatankuasa Tertinggi yang pada masa ini mengandungi anggota sa-ramai 50 orang, yang semua-nya terdiri daripada ulama2, ahli2 fikir dan cherdek pandai Islam. Bilangan ini boleh di-tambah lagi apabila di-chadangkan oleh Setiausaha Agong Rabetah, dengan syarat mendapat persetujuan dari Majlis.

Jawatankuasa ini-lah yang memegang polisi serta menggariskan tujuan2 dan matalamat Rabetah, yang semua-nya itu di-rangka bagi kebaikan agama dan umat Islam.

2. Badan 'Am Sekretariat. Badan ini-lah yang di-berikan kuasa perlaksana oleh Rabetah. Pejabat tetap-nya di-Mekah Al-Mukarramah. Sementara Setiausaha Agong Rabetah bertanggung-jawab penoh melaksanakan semua ketetapan dan keputusan yang telah di-ambil oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi. Di-samping itu ia juga mengator perjalanan pejabat dan pentadbiran kewangan Rabetah, serta menjadi wakil perhubungan di-antara Rabetah dengan lain2 pehak dan dengan pertubohan2 di-dunia. Begitu juga ia ber-kewajiban untuk mengetahui kegiatan2 yang di-jalankan oleh Rabetah, dan kemudian membuat laporan tentang kegiatan2 terse-

RABETAH AL-'ALAM AL-ISLAMI:

PERTUBOHAN YANG DI-WAKILI OLEH BANGSA ISLAM SELUROH DUNIA



but kapada Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang biasa-nya hanya bersidang sa-kali sa-tahun dalam musim haji, tetapi bagaimanapun dalam keadaan2 yang memerlukan, ia boleh-lah bersidang lebih daripada sa-kali dalam sa-tahun.

3. Jabatan 'Am Rabetah. Jabatan ini mengandungi segala peralatan bagi Badan Sekretariat dan diketuai oleh sa-orang Ketua atau Pengawas 'Am. Di-dalam-nya terdapat pula pejabat2 berikut:

- (a) Pejabat Persidangan Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (b) Pejabat Kebudayaan Islam.
- (c) Pejabat Penerbitan dan Sibaran 'Am.
- (d) Pejabat Golongan Minoriti Islam.
- (e) Pejabat Urusan Kewangan.
- (f) Pejabat Penyimpan Barang dan Buku2.
- (g) Pejabat Melihat Anak Bulan Islam.

BUKU2 DAN SURAT KHBAR

Badan perikatan Islam ini telah mengurus dan membahagi2kan buku2, dari semenjak ia di-tubuhkan lagi, berjumlah sabanyak 8,300,000 naskhah. Sementara Surat Khabar Islam yang di-terbitkan atas galakan dan bantuan-nya, berjumlah sa-banyak 25 jenis surat khabar. Pejabat penerbitan dan sibaran 'am-nya masa ini telah menerbitkan dua buah majalah bulanan dalam bahasa2 Arab dan Inggeris, di-samping sa-buah akhbar yang bernama Al-'Alam Al-

Islami yang di-terbitkan sa-minggu sa-kali dalam bahasa Arab.

TERHADAP PERTUBOHAN2 KEBAJIKAN ISLAM

Pihak Rabetah telah meletakkan atas bahu-nya kewajipan memberi sokongan yang berkesan kapada sa-tiap pertubohan2 keba-jikan Islam yang bekerja untuk agama Islam. Sokongan ini di-beri supaya memungkinkan lagi pertubohan2 tersebut lebih giat dan maju dalam usaha-nya memajukan agama dan umat Islam di-seluruh dunia, sa-bagaimana usaha juga di-tumpukan untuk menghapuskan pertelingkahan atau perselisihan yang tidak perlu di-kalangan sesama mereka. Pada masa ini jumlah kesatuan atau pertubohan2 keba-jikan Islam yang di-sokong oleh Rabetah telah meningkat kapada angka 48 buah, yang kesemua-nya itu mengamalkan konsep tolong-menolong untuk tujuan2 yang pokok, menyibar dan memajukan agama Allah.

Rabetah Al-'Alam Al-Islami juga mempunyai banyak Ibu Pejabat-nya di-luar negeri selain yang ada di-Jeddah dan Madinah, ia-itu sa-bagai menyebarkan lagi perhubungan-nya untuk tujuan2 perluasan dan pengembangan Islam. Masa ini ia terdapat di-Thailand, Jakarta, Nigeria, Malagasy, Copenhagen dan Negeri2 Scandinavia dan lain2.

BERSAMBONG



PEHIN Dato Abdul Rahman, accompanied by the Parade Commander ASP Adenan Omar and the Commandant of the Police Training Centre Superintendent Dato Alias S. Ahmad, inspecting the parade.

Another 34 pass out

JALAN MUARA. — Another thirty-four recruits of the Royal Brunei Police Force passed out at a parade held at the Police Training Centre here recently.

The Chairman of the Public Service Commission, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman took the salute and later presented awards to outstanding recruits.

Recruit 262 Abu Bakar

bin Piut was the best all-round recruit; Recruit 1553 Terudin bin Abdullah was the best recruit in law and police duties; and Recruit 99 Yusof bin Haji Ahmad was the best recruit in drill, riot drill and gymnastics.

Among those who witnessed the parade were the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya, senior police officers, relatives and friends of the recruits.

Chess champ.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The finals of the Brunei National Chess Championships were held at the Youth Centre last week.

The tournament, which started last May, was organised by the Brunei Chess Association and divided into five sections.

Stewart Wavell was the winner in the Division One men's open championship and runner-up was Mohammad Haji Damit.

Saidin Mohammad Tumin won the Division Two men's open championship and second was Dzulkiflee Abdul Latif.

In the section for under eighteen, Mohammad Isa Haji Tahir was first and Ali Rahman Haji Zainal second.

Games to determine third places in the three sections above were still being played.

The Sixth Form Centre emerged champions in the team section while second and third places went to the Perdana Wazir English School and the Berakas English School respectively.

The finals for groups/clubs and associations were also being played.

Badminton tourney

BANDAR SERI BEGAWAN. — The finals of the state youth badminton tournament were held at the Youth Centre here last week.

The tournament, an annual project of the Department of Welfare, Youth and Sports, began last June.

Awang Abdul Wahab Maksin emerged champion in the men's singles and he and his partner, Awangku Ali Pengiran Haji Sam-suddin, also won the men's doubles.

The Women's singles was won by Dayang Mariani Haji Morni who, partnering Dayangku Yamamah Pengiran Yusof, also won the women's doubles.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin presented the prizes.

Photo shows the winners with their prizes.

Anti measles drive

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department will launch a mass immunisation campaign against measles starting on September 18.

A statement said the three-month long campaign is aimed at reducing the unprecedented number of measles cases which totalled more than one thousand and two hundred cases as at the end of last month with severe complications causing a few deaths.

The statement said the only effective means of controlling the disease is to protect the population by immunisation.

During the campaign, all children and students will be given vaccination against measles at all child welfare clinics and schools in the State.

Parents are urged to co-operate by taking their children to the nearest clinic for immunisation.

KORAN READING CONTEST

GADONG. — The annual Royal Brunei Police Force inter-division Koran reading competition was held last Thursday night at the Police Headquarters surau here.

A total of fifteen readers including seven women took part in the competition which was declared open by the Speaker of the State Legislative Council Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

PC Kamis bin Nasir from 'D' Division was first in the men's section, PC Ghani bin Mat Noor from 'A' Division second and PC Bakri bin Othman from 'B' Division third.

In the women's section, PC Urai binte Tengah from 'D' Division was first, APO Dayangku Mariam binte Pengiran Haji Lam-poh from 'C' Division second and PC Normah binte Sulong from 'E' Division third.

The Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pe-

ngiran Jaya persented the prizes.

The winners and runners-up will represent the

Force at the state-level Koran reading competition for uniformed government personnel to be held later.

RBA's first local engineering apprentices

BANDAR SERI BEGAWAN. — Royal Brunei Airlines has selected five local young men to become the airline's first engineering apprentices.

They are Hassan Tengah, Suratno Samin, Ronald Michael Carson, Ang Sik Ting and Leong Nyuk Vui.

The five will leave for England next week to start a training course with Britannia Airways who have a fleet of fifteen Boeing 737 aircraft.

The training will last for four years and at the end of the training the apprentices will take aviation engineering licence examinations which will make

them the first Brunei citizens to receive this advanced technical qualification for commercial aircraft.

Royal Brunei said more apprentices will be recruited next year to join these first apprentices on their training in England.

Last week at a ceremony held in the Churchill Memorial Hall Lecture Hall here the five apprentices signed their apprentice agreements in the presence of their parents.

Royal Brunei was represented by the General Manager, Mr. Alan Douglas, the Engineering Manager, Mr. Ken Money and the Personnel Manager, Mr. Ray Cox.



From left to right: Mr. Douglas, Ronald, Suratno, Hassan, Ang, Leong and Mr. Money after the signing ceremony.

Scheme helps the blind more mobile

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Welfare, Youth and Sports last Tuesday put into effect a scheme to help the blind become more mobile.

The first group of twelve blind people it trained in

using white sticks to aid them to find their way around and identify objects were out on the streets that morning to test their ability to use the sticks.

They were at the junction of Jalan Sultan and

Jalan Chevalier and, with the help of police and welfare officers, put to use their training in crossing roads and using the pavements.

It is hoped that pedestrians and motorists will get used to seeing blind people with the white sticks and learn to give them priority.

The scheme will eventually be extended to all the blind people in the state to enable them to take a greater part in community life.

Brunei scouts attend conference

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei is being represented at the Eleventh Asia Pacific Scout Conference in Hong Kong by a nine-man delegation comprising members of the Brunei Scout Association.

The delegation is led by the Assistant Chief Scout Commissioner, Pengiran Haji Sani bin Pengiran Ahmad.

The conference, held once every two years, is organised by the World Scout Bureau and sponsored by the Scout Association of Hong Kong.

It is being attended by some twenty-three countries in the Asia Pacific region.

On the agenda are moderni-

sation programme; effective leadership training; and long-range planning.

The conference began last Saturday and is scheduled to end on Friday.

GCE exams in January

BANDAR SERI BEGAWAN. — General Certificate of Education Examinations at advanced and ordinary levels will be held in the State in January next year.

Those who wish to sit for the exams must have passed the Brunei Junior Certificate of Education Examination or its equivalent and must be

able to show evidence of recent study or be recommended by the principals of schools or supervisors of adult education.

Application forms are now available at the Head Office of the Examination Board here.

The forms together with the exam fees and documents must be submitted before August 21.



TUJUAN jin dan manusia di-jadikan ia-lah untuk beribadat kepada Allah. Dan erti ibadat itu ia-lah melakukan amal bakti, menchari keredhaan Allah melalui amalan2 yang berkebaikan dari apa yang di-suruh atau di-larang. Jadi maana-nya, ibadat itu suatu bidang yang luas, yang tidak sahaja terbatas kepada sembahyang, puasa, zakat dan naik haji, bahkan meliputi segala pekerjaan yang berkaitan dengan diri sendiri, rumah-tangga atau keluarga dan juga masyarakat umum.

Sesudah mengetahui ini, kita tentu pula mahu tahu, apa-kah jenis2 ibadat yang utama, yang paling tinggi nilai-nya? Dalam hal ini, beberapa orang sahabat di-zaman Nabi pernah datang menemui isteri2 Rasulullah untuk bertanya apa-kah jenis2 ibadat yang di-lakukan oleh Nabi s.a.w. sehingga Allah mengampunkan dosa2 Baginda yang telah lalu dan akan datang. Mereka menyangka tentu-lah dengan jalan meninggalkan kenekaman hidup dapat menghampirkan diri kepada Allah. Lalu oleh itu ada yang berkata: "Aku tidak akan kahwin buat selama2-nya". Sa-orang pula berkata: "Aku akan berjaja malam dan tidur di-lantai". Dan yang lain lagi berkata: "Aku tidak akan makan daging".

Rasulullah s.a.w. manakala mendengar kata2 ini, lalu bersabda yang kira2 maksud-nya: "Mengapa ada orang berkata begitu dan begitu? Demi Allah, aku-lah orang yang paling takut dan bertakwa kepada Allah, tetapi aku juga berpuasa dan beribadat, aku bangun malam dan tidur, aku makan daging dan berkahwin. Barang siapa yang menjauhkan diri dari Sunnah-ku, maka orang itu bukan dari golongan-ku". Berdasarkan riwayat dan hadith ini, dapat-lah di-fahamkan, bahawa ibadat yang utama itu bukan-lah mesti dengan memayahkan diri melakukan sesuatu amalan itu, tetapi ia terdapat dalam kesesuaian masa dan keadaan, dengan niat ikhlas semata2 kerana menuntut keredhaan Allah. Ia boleh di-chapai di-siang hari seperti berkerja atau berusaha menchari nafkah hidup yang halal, dan kemudian pada malam-nya kita tidur merehatkan badan. Sesungguh-nya amalan begini juga ada-lah ibadat, pekerjaan yang terpuji sebagai mematuhi peraturan Allah sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

"Dan Kami (Allah) telah jadikan malam itu sa-bagai pakaian (tempat berehat), dan siang sa-bagai tempat menchari kehidupan".

KEUTAMAAN IBADAT DI-CHAPAI MENURUT KETENTUAN

Demikian juga dalam masa genting menghadapi peperangan mithal-nya, amalan yang paling penting ketika ini ia-lah jihad yaani mengangkat senjata. Pada waktu rumah kita di-kunjongi tetamu, yang paling utama ia-lah menghormatinya dengan layanan yang mesra dan baik serta chepat, sehingga tetamu tidak payah menunggu lama2 yang menjadikan-nya serbasalah. Masa itu wirid2 yang panjang tidak-lah di-galakkan. Sabda Nabi yang bermaksud kira2: "Dan barang siapa yang benar2 beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendak-lah ia memuliakan tetamu-nya".

Bagi para bapa dan suami, manakala telah habis tugas di-tempat pekerjaan masing2, maka yang paling utama ia-lah terus bersegera pulang ka-rumah untuk melayani isteri dan anak2. Kerana ini merupakan hak mereka ka-atas bapa dan suami itu. Dan memunahkan hak pada tempat-nya itu ada-lah satu ibadat yang terpuji dan sangat2 di-tuntut. Demikian juga hal-nya perkara ziarah menziarahi sanak saudara dan keluarga, manakala ada masa atau kelapangan di-hari2 kelepasan umpama-nya, ada-lah satu perbuatan yang mengandungi hikmah atau rahsia, yang akan menjadi ibadat yang mendatangkan pahala. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Ziarah-lah rumah saudara mara mu dari masa ka-masa, pasti akan bertambah-lah kasih sayang atau muhibbah".

Tetapi bagaimana pun, di-

KHUTBAH JUMAAT



antara ibadat2 yang pokok yang mengandungi keutamaan tertentu yang di-sebut oleh nas dan kitab2 fekah ia-lah seperti bangun lewat tengah malam mengerjakan sembahyang, membacah Al-Kor'an, berzikir serta berdo'a. Dan pada waktu2 sembahyang telah masuk bersegera mendirikan sembahyang, yaani sembahyang pada waktu-nya dan lain2 lagi.

Demikian-lah keutamaan ibadat itu ada-lah di-chapai menurut ketentuan yang tertentu, bukan mesti dengan memayahkan diri seperti yang di-sangkakan oleh sa-tengah orang2 dan untuk lebeh mengetahui hal ini, kita perlulah mempelajari dan bertanya, dan sesudah itu kita amalkan.

SENANG dan susah Sada-lah di-antara rangkaian sifat yang menjadi hak milek manusia. Ia datang dan pergi menurut kemahuan dan kehendak manusia itu sendiri dengan berpandukan daya usaha dan ikhtiar. Ia juga akan2 melambangkan dan menggambarkan kepada kita bahawa kedua2 sifat ini saling berdua sa-iring sa-jalan dan kadang-kala silih berganti.

Kemudian lahir lagi istilah kesenangan dan kesusahan. Ada pun kesenangan ini, ia-lah suatu nikmat yang termasuk di-dalam ertikata kesenangan hidup, samada kesenangan kebendaan, ataupun kesenangan jiwa. Atau lebih tepat lagi di-istilahkan sa-bagai kesenangan zahir dan bathin.

Sementara kesusahan pula ia-lah lawan bagi kesenangan, yang mana meliputi serba serbi. Di-antara kesenangan dan kesusahan ini kita sangat2 chenderong pada kesenangan. Kita akan berusaha untuk mendapatkan-nya walaupun kita terpaksa menempoh seribu satu rintangan dan gejala.

Manusia ini selagi mempunyai hati dan perasaan, selagi itu-lah mereka berhasrat kepada kesenangan hidup. Ini memang tidak dapat di-nafikan lagi.

Dalam hal ini, Allah s.w.t. telah berfirman di-dalam Surah Ali-Imran ayat 14 yang bermaksud kira2: "Manusia itu di-beri perasaan berhasrat atau bernafsu, mithal-nya kepada perempuan, anak2, kekayaan yang melimpah-limpah dari emas dan perak, kuda yang bagus, binatang ternak dan sawah ladang, itu-lah kesenangan hidup dunia, dan di-sisi Tuhan ada tempat kembali (tujuan hidup) yang sebaik-baik-nya".

KESENIANGAN MENJADI BURUAN MANUSIA

Apabila kita gagal untuk mendapatkan ataupun kita sedang berada di-dalam kesusahan, maka jangan-lah kita bersikap iri hati ataupun chemburu melihat kesenangan yang orang lain nekmati. Itu ada-lah chubaan ataupun ujian bagi diri mereka dan diri kita sendiri.

Ini terpelung-lah kepada ketabahan hati masing2 untuk menghadapi-nya. Tetapi jangan-lah sampai kita bersikap dan bertindak dengan sesuatu tindakan yang bertentangan dengan prinsip hidup dan keugamaan sehingga melibatkan diri sendiri dan orang lain.

Dalam hal ini Allah s.w.t. telah Berfirman di-dalam Surah Thaha ayat 131 yang bermaksud kira2: "Dan jangan-lah engkau tujuan pemandangan engkau kepada kesenangan sa-bagai bunga kehidupan dunia yang telah kami berikan kepada beberapa golongan di-antara mereka kerana Kami hendak menguji mereka dengan itu sedang rezeki (pemberian) dari Tuhan engkau, lebih baik dan lebih kekal".

Dengan berdasarkan Firman Allah tadi juga, dapat-lah kita menegaskan bahawa kita di-suruh bersikap berpada-pada. Memadai-lah apa yang ada pada diri kita. Jangan-lah ter-lalu terburu-buru mengejar kepada kesenangan, ini di-takuti yang di-kejar tak dapat dan yang di-kendong pula akan berchichiran.

Pepatah ada mengatakan "Berakit2 keahu dan berenang2 ketepian, bersakit2 dahulu dan bersenang2 kemudian". Begitu-lah keadaan kita

Bingkisan minggu ini

untuk menuju ka-peringkat kesenangan. Tapi tidak semua yang mendapat kejayaan.

Adapun tujuan kita di-chuba bersakit2 dahulu itu ia-lah semata2 untuk melihatkan dan merasakan kepada kita betapa pahit maong-nya hidup di-dalam kesusahan. Jadi, terpaksa-lah kita berusaha dan berikhtiar untuk menchari jalan keluar dari kesusahan itu, untuk menuju ka-peringkat kesenangan.

Kesimpulan-nya, kesenangan itu susah untuk di-chari, tapi amat senang untuk lari dari kita. Jadi berhati2-lah mengendalikan apabila saja kita berada di-peringkat kesenangan, agar kita tidak akan tergelincir dan mudah di-gelincirkan semula ka-peringkat kesusahan. Juga jangan-lah chuba2 untuk menchari kesenangan jika kita tidak berupaya dan mampu untuk mendapatkan-nya. Memadai-lah dengan sikap yang penoh dengan kesederhanaan.

NEGERI Brunei tergolong di-dalam golongan negeri mewah di-Asia, purata pendapatan perseorangan menurut perangkaan adalah setanding dengan Jepun, dengan Singapura. Orang Brunei mewah, mewah membuang kemewahan di-mana2 sahaja di-Hong Kong, Taiwan, Singapura, Manila dan lain2 tempat yang ada tempat pembuangan kemewahan itu. Akibat yang pertama orang2 yang tidak mewah "Taishiur" ingin merasa kemewahan. Jika tidak dengan jalan baik maka jalan burok.

Oleh itu apa saja usaha untuk menjadi mewah di-

Orang2 mewah tidak berpandukan ajaran2 ugama

kerjakan walaupun dengan jalan yang boleh menjahannamkan negeri dan undang2, hatta walaupun dengan melanggar undang2 Allah.

Akibat yang biasa ia-lah orang2 mewah yang tidak berpandukan ajaran2 ugama, tidak takut melanggar undang2, khas-nya kalau undang2 itu agak longgar dan lunak. Mithal-nya sebelum ada pindaan undang2 menyalah-gunakan dadah baharu2 ini undang2 itu mengenalkan hukuman yang agak ringan.

Di-tempat2 lain sudah ada orang di-hukum bunuh kerana mengedarkan dadah. Oleh sebab itu orang2 yang boleh membayar denda dengan kemewahan mereka tidak takut mengedarkan dadah, kerana denda sangat kecil di-bandingkan keuntungan yang di-dapati dari pengedaran dadah.

Dan biasa-nya pender2 dadah ini mewah. Maka kes2 dadah telah menjadi berganda2 di-Brunei. Tidak hairan di-satu masa nanti jikalau Brunei boleh jadi pusat pengedaran dadah yang terbesar di-Asia. Dalam kes2 lain tidak jarang orang bertanya "berapa denda yang mereka akan bayar" kalau di-hadapkan ka-Mahkamah tanpa segan dan malu.

Jikalau perkara seumpama yang di-sebutkan oleh Allah dalam Al-Kor'an ini ia-itu kemewahan tidak di-batasi dengan sempurna, tidak benar-

SAMBONGAN petikan sharahan khas Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di-Pertandingan Pembacah Al-Kor'an Peringkat Sa-Negeri 1398/1978.

kah masyarakat Brunei akan jadi binasa? Jangan kita lupa masyarakat Brunei ia-lah Masyarakat Islam. Jika ini terjadi maka erti-nya yang akan terjejas ia-lah orang2 Islam dan kedudukan Ugama Islam di-negeri ini juga dengan sendiri-nya akan terancam.

Dalam hidup bernegara dan bermasyarakat, orang biasa membuat perancangan kema-juan 5 tahun, 10 tahun atau malahan 15 tahun. Perancangan2 ini berdasarkan perkembangan2 yang lepas dan yang ada, orang biasa mengukir dan mengagungkan projek2 yang akan mendatangkan kemajuan dan keuntungan sekian2 masa dengan statistik2.

Tapi jarang atau malahan tidak ada perancangan yang memikirkan nasib dan kebajikan yang akan menimpa mereka dalam masa 5 tahun, 10 tahun atau 15 tahun akan datang berdasarkan perkara2 yang telah terjadi dahulu dan sekarang.

Yang menjadi bahan perancangan hanya-lah keuntungan material, masalaah moral, keolahan, jiwa dan peribadi tidak pernah di-ranchangkan.

(BERSAMBONG)



SAAT pengIslamaman bagi Kee Jin Joo yang memilih nama Islam sa-bagai Md. Kahzulas dengan di-saksikan oleh Awang Haji Abd. Aziz, Ketua Kampung.

Memelok ugama Islam

SATU keluarga Dusun telah memelok Ugama Islam awal Ogos yang lalu bertempat di-rumah Ali Mustafa bin Abdullah di-Kampung Durian Sulok, 2^o batu dari Bandar Seri Begawan.

